

## MENGOPTIMUMKAN TENAGA KERJA WANITA DALAM EKONOMI

Sejak lebih satu abad yang lalu, golongan wanita memainkan peranan yang penting untuk memacu ekonomi negara. Banyak bukti menunjukkan peningkatan penyertaan wanita dalam pelbagai bidang ekonomi, khususnya untuk mencapai pembangunan ekonomi dan sosial yang mampan, terutama dalam persekitaran global yang mencabar dan kompetitif.

ZAILI MOHAMAD

**W**orld Development Report on Gender Equality and Development 2012 menyatakan bahawa untuk melihat potensi ekonomi sesebuah negara, memang penting untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor ekonomi agar golongan ini dapat memaksimumkan sumbangan mereka. Oleh itu, setiap negara perlu menggunakan limpahan tenaga buruh wanita untuk terus menyokong jumlah tenaga kerja yang dijangka semakin berkurang, sekali gus dapat meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan.



Golongan wanita juga memainkan peranan yang penting sebagai penyumbang ekonomi negara.

Kadar penyertaan tenaga kerja wanita di Malaysia agak rendah berbanding dengan tahap pembangunan negara, walaupun kadar enrolmen wanita lebih tinggi pada peringkat pendidikan menengah dan universiti. Pada tahun 2015, hanya 49.5 peratus wanita berumur antara 15 hingga 64 tahun bekerja atau mencari pekerjaan. Jumlah tersebut jauh ketinggalan berbanding dengan Thailand (70 peratus), Singapura (58 peratus) dan Indonesia (52 peratus). Peratusan ini tidak banyak berubah sejak lebih sedekad lalu, malah semakin menurun bagi wanita yang memegang jawatan tinggi dalam sektor korporat. Sehingga September 2015, hanya 4.2 peratus Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Fortune 500 ialah wanita.

Di Malaysia, sektor awam mencapai sasaran 30 peratus wanita dalam jawatan pembuat keputusan pada tahun 2011, manakala pada tahun 2012, sektor swasta masih ketinggalan dengan hanya 7.7 peratus wanita menduduki jawatan lembaga korporat syarikat tersenarai awam (PLC). Dalam arena politik negara, Malaysia menjadi antara negara di Asia Timur yang mempunyai perwakilan wanita yang terendah di parlimen, iaitu 10.4 peratus. Pada hari ini, hanya 23 daripada 222 orang ahli parlimen terdiri daripada wanita. Dalam bidang keusahawanan, bilangan usahawan wanita di Malaysia yang terendah di rantau ini. Mengikut laporan Banci Ekonomi 2011, hanya 19.7 peratus daripada perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia dimiliki wanita pada tahun 2010.

Kaji selidik yang dijalankan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dan Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) pada tahun 2012 mendapati bahawa terdapat dua faktor utama golongan wanita terpaksa meninggalkan pekerjaan, iaitu golongan ini

memilih untuk menjadi suri rumah sepenuh masa dan menjaga ahli keluarga. Wanita sanggup bekerja sekiranya terdapat kerja sampingan yang sesuai dan fleksibel untuk menampung komitmen keluarga dan keperluan harian, serta keseimbangan kerja dengan kehidupan dapat dioptimumkan. Walau bagaimanapun, aturan kerja yang fleksibel bukanlah kebiasaan di Malaysia. Kebanyakan syarikat swasta tidak melaksanakan aturan kerja fleksibel kerana khawar pekerja akan menyalahgunakan kelonggaran sistem tersebut.

Pusat penjagaan kanak-kanak dengan harga yang berpatutan, mudah akses, dan berkualiti tinggi yang sukar diperoleh merupakan masalah utama yang menyebabkan wanita memilih untuk menjadi suri rumah sepenuh masa. Sebagai penyelesaian kepada masalah ini, banyak pihak sebelum ini menyuarakan agar pusat penjagaan kanak-kanak disediakan di tempat kerja. Walau bagaimanapun, kebanyakan majikan, terutamanya dalam sektor swasta, tidak melihat cadangan tersebut sebagai keperluan yang mendesak meskipun pelbagai insentif disediakan oleh kerajaan untuk menyokong saranan tersebut. Pada September 2013, terdapat hanya 27 buah pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar dalam sektor swasta. Jumlah ini jauh berbeza daripada sektor awam yang mempunyai 98 buah pusat penjagaan kanak-kanak yang ditubuhkan di premis masing-masing.

Dalam kebanyakan negara maju, trend penyertaan tenaga kerja wanita menunjukkan dua kategori, iaitu golongan wanita yang menyertai alam pekerjaan sebaik-baik menamatkan pendidikan/pengajian dan wanita yang kembali bekerja selepas tempoh pengajangan anak tamat. Di Malaysia, kadar penyertaan semula wanita selepas bercuti panjang (cuti bersalin atau cuti tanpa gaji) tidak meningkat. Wanita Malaysia juga cenderung untuk bersara lebih awal berbanding dengan lelaki. Penyusutan tenaga kerja wanita memberikan implikasi yang besar terhadap pembangunan ekonomi negara, terutamanya pada masa kritikal, khususnya pada ketika negara memerlukan tenaga mahir untuk mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Kerana menyedari potensi golongan wanita untuk merencanakan ekonomi negara, kerajaan memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk terus memperkasakan penglibatan golongan wanita dalam ekonomi. Rancangan Malaysia ke-11 menasaskan sebanyak 59 peratus penglibatan golongan wanita dalam tenaga kerja menjelang tahun 2020. Kerajaan bukan sahaja berhasrat untuk memberikan insentif kepada golongan wanita untuk menyertai tenaga buruh, tetapi turut menambah baik kualiti penglibatan mereka dengan meningkatkan bilangan wanita yang menduduki jawatan lembaga korporat dan jawatan pengurusan atasan, memberikan sokongan kepada golongan wanita dalam situasi yang mencabar,



Kurangnya pusat penjagaan kanak-kanak di premis sektor swasta menyebabkan kaum wanita memilih menjadi suri rumah daripada bekerja.

serta menghapuskan segala diskriminasi terhadap kaum wanita. Usaha ini direalisasikan melalui pelaksanaan dasar kerja yang menggalakkan fleksibiliti dalam sektor awam dan swasta, mewujudkan suasana kerja yang lebih mesra keluarga, dan meningkatkan penyertaan golongan wanita dalam aktiviti keusahawanan melalui pembiayaan mikro kredit.

Di bawah Model Baharu Ekonomi, melalui inisiatif pembaharuan strategik pembangunan modal insan, satu pelan hala tuju untuk memanfaatkan bakat wanita turut dirangka. Pelan ini menggariskan langkah khusus untuk pembangunan kerjaya golongan wanita. Antara inisiatif utama di bawah pelan ini termasuk menetapkan sasaran minimum 30 peratus wanita memegang jawatan pembuat keputusan dalam sektor korporat menjelang tahun 2016, menambah insentif untuk meningkatkan bilangan pusat jagaan kanak-kanak, serta menyediakan latihan amali berstruktur dan bersuara dalam penempatan pekerjaan untuk golongan wanita.

Golongan wanita di Malaysia turut menjadi penyumbang yang ketara kepada pembangunan ekonomi dan negara. Kesamarataan gender dalam pendidikan membantu kaum wanita menyumbangkan khidmat dalam masyarakat, politik, perniagaan dan pasaran kerja. Walau bagaimanapun, wanita kekal sebagai sumber yang kurang diketengahkan.

Langkah menggalakkan penglibatan golongan wanita yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi dalam ekonomi akan meningkatkan inovasi dan menjanakan pertumbuhan ekonomi negara. Kerana menyedari potensi wanita dalam membantu negara mencapai pertumbuhan yang mampan dan berterangkan, serta ekonomi berpendapatan tinggi, kerajaan mengambil langkah bersepadu meningkatkan penyertaan wanita dalam ekonomi dan peluang ini perlu direbut oleh wanita kerana peranan, sumbangan, idea, dan keterlibatan mereka amat diperlukan. ☺